

17/04/2002

Polis selesai siasat kes seleweng wang PPRT

Tuan Nazuri Tuan Ismail

PUTRAJAYA, Selasa - Polis sudah selesai menjalankan siasatan berhubung penyelewengan wang Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) berjumlah RM36.5 juta dan sudah menyerahkannya kepada Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

Namun Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid berkata, siasatan itu belum siap sepenuhnya kerana ia masih lagi disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR).

"Kita (Kementerian Luar Bandar ) hanya melaporkan kepada polis dan BPR. Maklumat lain kami tak dapat dan ia terserah kepada polis untuk jalankan tugas," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan Biro Pembelaan Masyarakat Pemuda Umno di pejabatnya di sini, hari ini.

Kes penyelewengan wang PPRT mendapat liputan meluas pihak media apabila Azmi pada 23 Oktober tahun lalu mendedahkan membuat dua laporan polis berhubung penipuan pelaburan berjumlah RM40 juta membabitkan pelaksanaan PPRT.

Satu laporan berhubung penipuan pengurusan juga telah dibuat kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Berikutan pendedahan itu, polis menjalankan siasatan termasuk mengambil keterangan daripada bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan pegawai kanan kementerian berkenaan yang terbabit secara langsung dengan projek tersebut di Kelantan dan Terengganu.

Pada 5 Disember lalu, polis menahan bekas Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Dr Abdul Aziz Mohamad, 57; Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), Datuk Alwi Said, 53; bekas Ketua Pengarah RISDA, Datuk Nik Kamaruddin Nik Abdul Kadir, 52, dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Mohd Arif Abu Bakar, 51.

Bagaimanapun semua mereka dibebaskan selepas ditahan reman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Mac lalu berkata, kerajaan menyerahkan kepada BPR untuk membuat siasatan sewajarnya terhadap kes itu.

Azmi juga menjelaskan, kelewatan menyiapkan pembinaan rumah PPRT tiada kaitan dengan kes penyelewengan wang itu sebaliknya disebabkan kontraktor utama bagi membina rumah PPRT, Giat Mara, tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi.

"Kelewatan ini tiada kena mengena dengan kes penyelewengan wang PPRT tetapi disebabkan Giat Mara tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk menyiapkan projek berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan," katanya.

Baru-baru ini, Azmi dilaporkan berkata, kementerianya akan mengkaji semula pembinaan rumah program PPRT berikutan kelewatan Giat Mara menyiapkannya.

Beliau berkata, kajian berkenaan terpaksa dibuat kerana kementerianya sedang mencari kaedah sampingan bagi membolehkan rumah PPRT dapat disiapkan lebih cepat.

Susulan itu, Giat Mara memberi jaminan akan menyiapkan sepenuhnya pembinaan rumah PPRT menjelang akhir bulan ini.

Azmi berkata, pihaknya memberi sejumlah 2,663 unit rumah untuk disiapkan Giat Mara, bagaimanapun sejumlah 490 diserahkan semula ke kementerian itu dengan alasan tidak mampu menyiapkannya dalam tempoh yang ditetapkan.

"Giat Mara kini sedang mempercepatkan kerja menyiapkan rumah PPRT dengan mengagihkan projek kepada kontraktor kecil," katanya.

Bagaimanapun, katanya, hasil tinjauan mendapati sistem itu menimbulkan

masalah apabila tidak mengutamakan kualiti kerana mahu menyiapkan lebih cepat.

Sehubungan itu, beliau meminta pemilik rumah PPRT melaporkan kepada kementerian sekiranya mendapati rumah mereka tidak berkualiti supaya dapat diperbaiki semula kontraktor terbabit.

(END)